

**Kegagalan kempen
kurangkan beg plastik**

PERSEBATAN itu alam sekitar terutama melibatkan penggunaan beg plastik merupakan antara isu utama pada masa kini.

Meskipun pengguna menggunakan beg plastik dalam masa yang singkat ketika membeli-belah, hakikatnya ia memerlukan masa antara 500 hingga 1,000 untuk mereput di dalam bumi bergantung kepada jenis bahannya.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Datuk Nadzri Yahaya sebelum ini pernah berkata, rakyat Malaysia menghasilkan lebih 19,000 tan sisa pepejal pada setiap tahun.

Sebanyak 24 peratus daripada jumlah tersebut merupakan plastik dengan seorang individu menggunakan hampir lapan beg plastik seminggu.

Justeru, pelbagai penguatkuasaan dilaksanakan termasuk oleh Kerajaan Negeri Selangor yang melancarkan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik setiap hari sejak 1 Januari lalu.

Bagaimanapun, kewajaran kempen berkenaan dipersoalkan setengah pihak berikutan kesediaan pengguna di negara ini untuk mengurangkan penggunaan beg plastik masih di tahap tidak memuaskan.

Ia berikutan, ramai pengguna masih memilih untuk membayar 20 sen daripada membawa beg sendiri ketika membeli-belah.

Pendekatan berbeza digunakan oleh Barisan Nasional (BN) Selangor melalui manifestonya sebelum ini dalam pemuliharaan alam sekitar apabila bayaran 20 sen diberikan kepada rakyat yang membawa beg sendiri semasa membeli barangan di premis mengenakan caj beg plastik.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, secara umum, membudayakan tabiat melestarikan alam sekitar sukar dibentuk kerana masyarakat negara ini telah terbiasa dengan penggunaan beg plastik.

Begitupun, beliau menjelaskan insentif kepada pengguna secara langsung mampu menarik perhatian masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

"Ini satu tindakan yang baik namun bagi memastikan kejayaan perlu sokongan daripada pasar raya di negeri Selangor. Mereka harus mengubah daripada menye-



Di Sebalik Isu Panas

Bersama MOHD. YUNUS YAKKUB

diakan beg plastik kepada penjualan beg kitar semula sahaja yang dijual pada harga berpatutan.

"Mengapa masyarakat luar negara boleh jual beg kitar semula tanpa jual plastik tetapi di negara ini tidak," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau menambah, kehairahan dalam menayakan kempen tersebut harus dipertingkatkan melalui pemberian diskaun atau kupon. Sebagai contoh,

“Negara-negara Asia adalah antara yang paling banyak menyumbang kepada pencemaran plastik di lautan

diskaun diberikan menerusi jumlah pembelian pada setiap transaksi jika pengguna membawa beg sendiri. Ujarnya, langkah tersebut mungkin mengambil masa, namun ia adalah lebih baik daripada tidak melakukan sesuatu pembaharuan langsung.

"Mengubah tabiat ini merupakan satu perkara yang sukar untuk dilakukan, begitu juga dalam memuaskan hati semua pihak.

"Bagaimanapun, sesuatu galakan diperlukan bagi memberi motivasi kepada pengguna bersesuaian dalam menuju ke negara maju yang cintakan alam sekitar,"

katanya.

Jelas Mohd. Yusof lagi, isu caj atau pemberian 20 sen tidak akan timbul jika rakyat memahami tentang bahaya penggunaan beg plastik kepada manusia dan alam sekitar.

Bagi penganalisis politik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Ismail Sualman, manifesto BN mengenai bayaran 20 sen tersebut lebih holistik dan komprehensif kerana ia memahami denyut nadi rakyat yang membawa beg kitar semula.

Katanya, langkah tersebut sebenarnya telah digunakan di negara maju seperti Denmark bagi mendidik rakyatnya.

"Saya menganggapnya sebagai lebih menawan dan seksi berikutan dapat memikat orang ramai untuk lebih mengetahui pelaksanaan secara lanjut.

"Ini adalah penambahbaikan yang efisien di sebalik kelemahan yang berlaku semasa kempen itu dilaksanakan oleh negeri Selangor," katanya.

Beliau turut tidak menolak pemberian 20 sen itu boleh menjadi pemangkin peningkatan persaingan BN dalam menawan semula Selangor selain isi manifesto lain seperti menyelesaikan penstrukturan semula industri perkhidmatan air.

Laporan *The Journal of Science 2015* tentang hasil kajian ke atas 192 negara yang bersempadan dengan laut mendapati negara-negara Asia adalah antara yang paling banyak menyumbang kepada pencemaran plastik ke lautan.



KEHEBATAN SEKEPING FOTO



AKSI sekumpulan remaja melompat ke udara ketika berlatih kemahiran parkour di sebuah kawasan lapang yang menempatkan khemah di Rafah, Tebing Gaza pada Selasa lalu.

AFP